



MISI BANTUAN
PASCA BANJIR



LAWATAN MENTERI ALAM
SEKITAR & SUMBER AIR



'TOWN HALL'
BANDAR ULU TIRAM



QR code
(penerbitan rasmi mbjb)

**MBJB SAMBUT BAIK
PROGRAM IMUNISASI COVID-19
PERINGKAT NEGERI JOHOR**

- 3 ■ INFO PROGRAM IMUNISASI COVID-19
- 4 ■ MAJLIS PENGHAYATAN ISLAM
- 5 ■ MBBJ GIAT BANTU MDKT HADAPI BENCANA BANJIR
- 6 ■ OPERASI BERSEPADU MENEMBAK GAGAK, MBBJ BERSAMA PDRM
- 7 ■ MBBJ BANTU KERJA PEMBERSIHAN INSIDEN RUNTUHAN CERUN
- 8 ■ INFO PKP 2.0
- 9 ■ SUASANA BANDAR RAYA JB PKP 2.0
- 10 ■ PEMATUHAN SOP PKP 2.0
- 11 ■ MBBJ GIAT USAHA JAYAKAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI
- 12 ■ PERASMIAN KAFE *GLORIA JEANS COFFEES* DI MENARA MBBJ
- 13 ■ MBBJ GIAT ANJUR KEMPEN DERMA DARAH
- 14&15 ■ PROGRAM IMUNISASI COVID-19 PERINGKAT NEGERI JOHOR
- 16 ■ LAWATAN MENTERI ALAM SEKITAR & SUMBER AIR KE KOMPLEKS PUSAT RAWATAN KUMBUHAN SUNGAI SEGGET
- 17 ■ TOWN HALL RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR ULU TIRAM
- 18&19 ■ PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
- 20 ■ MBBJ SANA SINI
- 21 ■ INFO LAWATAN & KURSUS
- 22 ■ INFO DEMAM KEPIALU (TIFOID)
- 23 ■ INFO POKOK TECOMA

PENAUUNG

YB Dato' Haji Adib Azhari
Bin Daud
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Miswan bin Yunus
(Setiausaha)

Ir. Puan Hajah Nazatul
Shima Binti Mohamad
(Timbalan Setiausaha)

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina Binti Abdul
Malek

SIDANG**PENGARANG/KOLUMNIS**

Encik Muhammad Iqbal Arami
Bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah Binti Yusof
Cik Nurul Shafina Binti Shaari
Puan Norasmah Binti Mohd
Adros

JURU FOTO

Haji Bahri Bin Abdullah
Encik Romzi Bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Direktori Telefon MBBJ

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON	JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626	UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510	UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT ADUAN	07-228 2532	BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
TALIAN ADUAN	07-219 8000	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146	BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055	UNIT INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070	UNIT MESYUARAT	07-219 8022
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
BAHAGIAN PELESENAN	07-219 8289	JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-219 8217
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297	JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-219 8245
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273	BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285	JABATAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091	BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042	JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-219 8101
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-219 8225	BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA)	07-219 8233	BAHAGIAN JALAN	07-219 8135
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL /UNIT PENILAI)	07-219 8232	JABATAN KESIHATAN	07-228 2564
JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-219 8219	JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
		JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041

PROGRAM IMUNISASI COVID-19

*Lindung Diri, Keluarga dan
Warga Bandar Raya*



SIAPA YANG LAYAK?



Semua Individu Berusia 18 Tahun Dan Ke Atas Yang Memenuhi Kriteria Yang Ditetapkan.



FASA PEMBERIAN VAKSIN



FASA 1

Petugas
Barisan Hadapan



FASA 2

Warga Emas (60 Tahun Dan
Ke Atas) Dan Individu Yang
Menghidapi Penyakit Kronik



FASA 3

Individu berusia
18 tahun dan ke atas



Suntikan Vaksin Adalah **PERCUMA**
Untuk Warganegara



600 Pusat Pemberian Vaksin Terdiri Daripada
Fasiliti Kesihatan **KKM, ATM** Dan **Hospital Universiti**
Yang Dikenalpasti

PENDAFTARAN VAKSIN



Menerusi Aplikasi
MySejahtera



Menerusi Laman Web
www.vaksinovid.gov.my



Talian Hotline
1-800-888-828



Program Bantuan (Outreach)
bagi Kawasan Luar Bandar
& Pendalaman



Pendaftaran di
Fasiliti Kesihatan
Kerajaan & Swasta



MAJLIS PENGHAYATAN ISLAM SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE-27

7 Januari 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan Majlis Penghayatan Islam sempena menyambut ulang tahun perisytiharan bandar raya Johor Bahru ke-27 bertempat di Surau Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, Bukit Senyum. Majlis serba sederhana itu diadakan secara dalam talian iaitu langsung melalui 'Facebook Live MBBJ' dengan mengikut SOP bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Penganjuran program ini bertujuan melahirkan tanda kesyukuran dan memohon ke hadirat Allah SWT agar kehadiran tahun baharu 2021 akan membawa bandar raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari selaras dengan visi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Program ini bermula pada jam 8.00 pagi dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat sebelum sesi ceramah perdana bertajuk 'Jalan Memberkati Usia' disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Haji Ishaq Hanis bin Asmail, Imam Daerah Johor Bahru.



Majlis Penghayatan Islam

bersempena

SAMBUTAN ULANG TAHUN PERISYTIHARAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE-27

7 JANUARI 2021 (KHAMIS)

BERSAMAAN

23 JAMADIL AWAL 1442H

8.00 PAGI SEHINGGA 10.00 PAGI

"JALAN MEMBERKATI USIA"



LIVE

@FACEBOOK.COM/MBJBASMI



Penceramah

Al-Fadhil Ustaz Hj Ishaq Hanis Bin Asmail
Imam Daerah Johor Bahru



'BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING'

MBJB giat bantu MDKT hadapi bencana banjir

7 Januari 2021 – Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada 'Team MBBJ' yang terdiri daripada anggota Jabatan Kerja Awam, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Landskap dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam yang telah menyumbang tenaga dalam misi bantuan pasca banjir di daerah Kota Tinggi, Johor. Seramai 25 anggota MBBJ berserta kenderaan dan kelengkapan telah hadir bergotong-royong bagi membersihkan kawasan sekitar pusat bandar Kota Tinggi yang terjejas akibat banjir pada awal tahun ini. Turut serta dalam misi bantuan tersebut ialah pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Daerah Mersing, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, SW Corp dan SWM.




OPERASI BERSEPADU
MENEMBAK GAGAK
MBJB - PDRM
DI DALAM KAWASAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHU




MBJB HAPUS PUNCA KACAU GANGGU PENDUDUK

7 Januari 2021 – Seramai 19 anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) terlibat dalam operasi bersepadu menembak gagak bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di beberapa buah lokasi di sekitar bandar raya Johor Bahru. Antara kawasan yang terlibat dalam operasi ini termasuklah Jalan Permas 10, Bandar Baru Permas Jaya, Jalan Badik 20, Taman Puteri Wangsa, tempat letak kereta Leisure Mall, Taman Pelangi, Hospital Sultan Ismail, Taman Mount Austin dan persimpangan Jalan Jelatang 15 dan 27, Taman Megah Ria, Johor Bahru.

Operasi ini dilaksanakan bagi mengurangkan populasi burung gagak yang sering menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam di samping membawa masalah kesihatan dan mengotorkan premis bangunan, perniagaan serta kenderaan. Sebanyak 1,227 burung gagak telah dimusnahkan dalam operasi ini.

STATISTIK ADUAN MELIBATKAN BURUNG GAGAK JANUARI - MAC 2021




MBJB BANTU KERJA-KERJA PEMBERSIHAN INSIDEN RUNTUHAN CERUN

18 Januari 2021 – Susulan kejadian runtuhan cerun di tapak tangki air Ranhill SAJ di Bukit Kempas akibat hujan lebat dan paip tangki air patah pada 11 Januari lalu, suatu lawatan tapak telah diadakan bersama pihak Pegawai Daerah Johor Bahru, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru, MBBJ, Ranhill SAJ, Bomba dan wakil penduduk. Pihak Ranhill SAJ telah melaksanakan beberapa kerja awalan bagi mengatasi masalah di tapak. Antaranya ialah kerja-kerja pembersihan kawasan terlibat, penebangan pokok dan pemasangan kanvas bagi menutupi kawasan cerun, mengeluarkan paip-paip yang didapati rosak serta melantik pihak IKRAM untuk menjalankan kerja siasatan dan cadangan penyelesaian bagi membaiki cerun. Pihak Ranhill SAJ juga telah melaksanakan kerja-kerja perlindungan cerun (slope protection) bagi mengelakkan masalah berulang. 'Team MBBJ' telah mengambil tindakan dengan kekuatan 11 orang anggota berserta jentera berat bagi membuat kerja-kerja pembersihan banjir lumpur di lokasi kejadian.



Sumber Foto: Facebook Ranhill SAJ



KERAJAAN UMUM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

(BERKUATKUASA 13 JANUARI 2021 SEHINGGA 26 JANUARI 2021)


Usaha Putuskan Rantaian Jangkitan COVID-19

10 Januari 2021 – YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh 14 hari bermula jam 12.01 tengah malam Rabu, 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021. PKP ini dilaksanakan berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta pelbagai Kementerian dan Agensi serta nasihat pakar-pakar kesihatan awam di dalam negara. Perintah ini melibatkan tiga peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- Pertama, PKP ke atas enam (6) buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.
- Kedua, PKP Bersyarat (PKP-B) ke atas enam buah negeri iaitu Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan.
- Ketiga, PKP Pemulihan (PKP-P) pula akan dilaksanakan bagi negeri Perlis dan Sarawak dan akan diteruskan sepanjang tempoh tersebut.

Negeri yang dikenakan PKP adalah negeri yang berisiko tinggi hasil penilaian risiko oleh KKM dan tahap keupayaan perkhidmatan kesihatannya telah hampir mencapai kapasiti maksimum.

Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyenaraikan lima (5) sektor ekonomi perlu (essential) dibenarkan beroperasi iaitu:



Sumber Web: Majlis Keselamatan Negara



BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KEMBALI SEPI DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Pemandangan di sekitar bandar raya Johor Bahru sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah, bermula pada 13 Januari 2021 - 26 Januari 2021.



PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI DAERAH JOHOR BAHRU

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di enam buah negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah, berkuatkuasa pada 13 Januari 2021 - 26 Januari 2021. Sepanjang tempoh ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru sentiasa membuat pemantauan terhadap pematuhan SOP oleh warga bandar raya Johor Bahru. Pematuhan SOP tersebut termasuklah keperluan memakai pelitup muka, menjalani pemeriksaan suhu badan, mencuci tangan menggunakan sabun/*hand sanitizer*, mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dan mendaftar maklumat peribadi di aplikasi MySejahtera sebelum memasuki premis.

Sekitar Pemantauan Terhadap Pematuhan SOP di Johor Bahru:



Pematuhan SOP di pejabat Menara MBBJ, Bukit Senyum Tarikh: 15 Januari 2021



Pematuhan SOP di Pusat Perniagaan Nong Chik Riverside Tarikh: 15 Januari 2021



Pematuhan SOP di Taman Awam MBBJ Tarikh: 16 Januari 2021

MBJB GIAT USAHA JAYAKAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI

8 Februari 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Ahli Majlis di 24 zon kawasan masing-masing giat melaksanakan program kebun komuniti bersama penduduk setempat bagi mengurangkan kos sara hidup penduduk yang terjejas akibat wabak COVID-19. Program ini juga membantu penduduk setempat untuk menambah hasil dan pendapatan di samping mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Menurut Ir. Hajah Nazatul Shima Binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB, program kebun komuniti merupakan program yang menggalakkan komuniti mengusahakan tanaman kebun berdekatan kawasan kediaman di samping mengisi ruang dan masa terluang yang ada. Permohonan untuk mewujudkan kebun komuniti perlu dibuat melalui Ahli Majlis dan mengambil kira beberapa faktor untuk setiap permohonan termasuklah kesesuaian tanah dan struktur tanah, kelulusan untuk mengelola kebun komuniti serta sesi taklimat oleh pakar berkaitan kaedah tanaman yang betul.

Mengambil contoh kejayaan kebun komuniti yang telah diusahakan di bawah seliaan Ahli Majlis Zon Tampoi, Datuk Ramlee Bohani, program tersebut telah mula dilaksanakan bermula Disember 2020 melibatkan penduduk setempat di Flat Taman Seroja. Pada awalnya, kira-kira 15 orang berminat untuk terlibat secara langsung mengusahakan kebun ini dan sebagai galakan kepada penduduk sekitar. Antara jenis tanaman yang telah diusahakan dengan hasil yang baik termasuklah tanaman sawi, kangkung, bayam, tomato, cili, petola, peria dan sebagainya.



Trivia Kebun Komuniti

Tujuan

- 1) Menyahut seruan kerajaan dalam pelaksanaan Kebun Kejiranan di peringkat komuniti setempat dan meningkatkan taraf ekonomi.
- 2) Menjadikan Johor Bahru ke arah Bandar Kejiranan Hijau.

Lokasi

49 lokasi dalam 24 zon,
(Terkini sehingga Jun 2021)

Kos

RM1 juta
bagi tempoh 12 bulan



PERASMIAN KAFE *GLORIA JEANS COFFEES* DI MENARA MBBJ

21 Februari 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) tampil dengan tarikan baharu dengan pembukaan cawangan kafe *Gloria Jeans Coffees* di Menara MBBJ, Bukit Senyum. Pengurusan kafe di bawah kelolaan Syarikat Feroza World Entertainment Sdn. Bhd. ini telah dirasmikan pembukaannya oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru. Turut hadir menyaksikan majlis perasmian tersebut ialah YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya. Kafe ini menyediakan sajian makanan dan minuman ringan seperti kek dan pastri serta minuman panas dan sejuk berasaskan kopi bukan sahaja kepada warga kerja MBBJ, tetapi juga kepada pelanggan yang hadir berurusan di Menara MBBJ. Operasi kafe ini bermula pada jam 7.00 pagi hingga 7 malam pada setiap hari Ahad hingga Khamis sahaja.





MBJB GIAT ANJUR KEMPEN DERMA DARAH BERSAMA JABATAN TRANSFUSI DARAH

23 Februari 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Jabatan Transfusi Darah, Hospital Sultanah Aminah telah menganjurkan Kempen Derma Darah bertempat di pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru di Jalan Dato' Onn, Johor Bahru. Syabas dan terima kasih kepada seramai 60 orang anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah hadir menderma darah di program pada kali ini.

Kempen Derma Darah ini dianjurkan hampir saban tahun bertujuan membantu pihak Jabatan Transfusi Darah mengatasi masalah kekurangan bekalan darah di hospital-hospital di seluruh negara. Penganjuran kempen ini juga sebagai suatu bentuk kesedaran kepada masyarakat mengenai kebaikan menderma darah bagi tujuan membantu menyelamatkan nyawa individu yang memerlukan.



MBJB SAMBUT BAIK PROGRAM IMUNISASI COVID-19 PERINGKAT NEGERI JOHOR

1 Mac 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru turut menyahut seruan kerajaan dengan bersama-sama membendung penularan virus COVID-19 dengan menyertai Program Imunisasi COVID-19 Peringkat Negeri Johor bertempat di Dewan Muafakat Johor Taman Adda, Johor Bahru. Program tersebut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Johor, YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Ketua Polis Johor Bahru dan kakitangan barisan hadapan (frontliners). Datuk Bandar Johor Bahru turut menerima vaksin pada hari tersebut dan menandakan permulaan program vaksinasi fasa 1 di peringkat Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Program ini adalah kesinambungan daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Malaysia yang telah dilaksanakan secara berfasa mulai 24 Februari 2021 oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menjadi individu pertama di Malaysia yang menerima suntikan vaksin COVID-19 keluaran *Pfizer-BioNTech* dan telah disiarkan secara langsung di seluruh negara. Antara jenis vaksin yang telah digunakan oleh Kerajaan Malaysia dalam program ini ialah Vaksin COVID-19 jenis *Pfizer-BioNTech*, *Oxford-AstraZeneca* dan *Sinovac*.

TRIVIA:

FASA-FASA PENGAGIHAN VAKSIN DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19:

FASA 1 - PEGAWAI PERUBATAN, PERTAHANAN DAN PERKHIDMATAN PENTING (24 FEBRUARI - APRIL 2021)

FASA 2 - WARGA EMAS DAN GOLONGAN BERPENYAKIT (19 APRIL - OGOS 2021)

FASA 3 - ORANG AWAM LAIN BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS (JUN 2021 - FEBRUARI 2022)



SEKITAR PELAKSANAAN PROGRAM IMUNISASI PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





LAWATAN MENTERI ALAM SEKITAR & SUMBER AIR KE KOMPLEKS PUSAT RAWATAN KUMBAHAN SUNGAI SEGGET

9 Mac 2021 – Lawatan YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air, ke Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (CSTP) Sungai Segget bertujuan meninjau pelaksanaan dan operasi Projek Pengindahan dan Pemulihan Sungai Segget oleh pihak *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dan operasi Loji Rawatan Kumbahan Sungai Segget oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Turut serta dalam sesi lawatan tersebut ialah Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBJB dan Tuan Haji Fadzil Suhaimi bin Talibin, Ketua Penolong Pengarah Saliran yang menyampaikan taklimat ringkas mengenai pengoperasian loji berkenaan.

Pengoperasian CSTP yang diuruskan oleh pihak MBJB ini merupakan loji pertama sejenisnya di negara ini. Loji setinggi 45 meter yang berkapasiti 150,000 PE (33,750 m³/d) ini mengambil 'influen' gabungan air sungai dan kumbahan untuk dirawat menjadi 'efluen' Standard A atau Kelas IIB sebelum dilepaskan semula ke Sungai Segget.

CSTP berupaya merawat air yang berada pada tahap III hingga V kepada sekurang-kurangnya tahap IIB yang bersih dan selamat untuk kehidupan flora dan fauna serta digunakan oleh warga bandar raya.





'TOWN HALL'

RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR ULU TIRAM

20 Mac 2021 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan sesi 'Town Hall' Rancangan Kawasan Khas Bandar Ulu Tiram bersama penduduk di bandar tersebut untuk membincangkan dan mendapatkan pandangan daripada penduduk sekitar berkenaan hala tuju pembangunan di kawasan Bandar Ulu Tiram, Johor Bahru. Terdahulu, sesi penyertaan awam berkenaan draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Ulu Tiram telah diadakan pada 1 Mac 2021 sehingga 31 Mac 2021.

Kawasan RKK Bandar Ulu Tiram yang berkeluasan 1278 ekar (517.18 hektar) ini mempunyai pelbagai isu dan masalah yang memerlukan usaha menaiktaraf serta pendekatan pengurusan yang lebih tersusun, harmoni dan ekonomik ke arah mewujudkan sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa. Kawasan ini juga perlu diberi nafas baharu kerana terdapat beberapa perubahan guna tanah akibat daripada pembangunan pesat di kawasan sekitar bandar ini.

Turut hadir dalam sesi 'town hall' ini ialah YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru, YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan Warisan dan Budaya Negeri Johor merangkap Ahli Dewan Negeri Johor Puteri Wangsa, YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon, Ahli Parlimen Tebrau, YB Datuk Haji Mohamad bin Dolmat, Whip Parti Ahli Majlis merangkap Ahli Majlis Zon Tiram.





**Projek Kebun Kejiranan
Zon Bakar Batu di Projek Perumahan
Rakyat Sri Stulang
Tarikh: 6 Mac 2021**



**Program 'Back to School', Gunting Rambut
dan Sumbangan Bakul Makanan
Zon Kempas di Surau Jalan Denai 4
Tarikh: 9 Januari 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Larkin di Dewan Masjid An-Nur
Larkin Perdana
Tarikh: 12 Mac 2021**

PROGRAM ZON AHLI



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Larkin di Jalan Tiong, Kampung
Dato Onn Jaafar
Tarikh: 13 Mac 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Mount Austin di Mutiara Emas 2,
Taman Mount Austin
Tarikh: 14 Mac 2021**



**Projek Inovasi Keceriaan
Zon Desa Cemerlang di
SMK Taman Desa Jaya
Tarikh: 18 Mac 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Bakar Batu
di Polo Park
Tarikh: 28 Mac 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Bandar
di Kem Sultan Ibrahim
Tarikh: 24 Mac 2021**



**Program 'SND'
Zon Desa Cemerlang
di SMK Taman Desa Cemerlang
Tarikh: 21 Mac 2021**

MAJLIS & LA21



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Rinting di Surau Jelatang
Megah Ria
Tarikh: 19 Mac 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Teluk Danga di Balai Raya
Kampung Sungai Danga
Tarikh: 21 Mac 2021**



**Projek Kebun Kejiranan
Zon Bakar Batu di Blok C, Program
Perumahan Rakyat Hajah Hasnah
Tarikh: 21 Mac 2021**

MBJB

SANA

SINI



Majlis Sanjungan Budi dan
Jasamu Dikenang di Hotel Holiday Villa
Tarikh: 6 Januari 2021



Penyerahan Komputer Riba (Laptop)
kepada Ahli Majlis
Tarikh: 21 Januari 2021



Mesyuarat Penuh (Full Council)
Secara Maya
Tarikh: 27 Januari 2021



Program Pembudayaan Al-Quran
dan Tazkirah
Tarikh: 4 Februari 2021



Malam Apresiasi CEUPACS
di Hotel Holiday Villa
Tarikh: 27 Mac 2021



Sumbangan Tablet di Sekolah dalam Kawasan
MBJB di Kompleks Yayasan Warisan Johor
Tarikh: 29 Mac 2021

INFO

LAWATAN



Lawatan dari Majlis Perbandaran Segamat ke MBBJ

Tarikh: 14 Mac 2021

Objektif: Perkongsian ilmu berkaitan amalan 'good practice' dan penambahan hasil berkaitan Jabatan Penguatkuasaan.

INFO

KURSUS



Bengkel Pengurusan ID Marris Anggota Jabatan Kerja Awam

Tarikh: 17-18 Mac 2021

Objektif: Mengemaskini dan mempelajari kaedah yang jelas untuk pendaftaran jalan menggunakan ID Marris.

Penceramah: Pn. Suhaila Baharudin (Jabatan Kerja Raya Negeri Johor) dan En. Jamil Musa (JKR Daerah Johor Bahru).



Kursus Latihan METRA : 'Ensuring Safer Road Infrastructure'

Tarikh: 24-25 Mac 2021

Objektif: Memberi pendedahan untuk mengurus dan menyelenggara infrastruktur rizab jalan bandar di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru merangkumi elemen keselamatan seperti tanda-tanda jalan di samping mempertingkatkan keselamatan jalan raya mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam garis panduan 'Guide Book Traffic and Road Safety Audit' bagi keselamatan pengguna jalan raya.

Penceramah: Ts. Sharifah Allyana Syed Mohamed, Ts. Nor Aznirahani Mhd Yunin dan En. Syed Tajul Malik bin Syed Tajul Arif.



APAKAH DEMAM KEPIALU (TIFOID)?

Demam kepialu adalah satu jangkitan bawaan makanan disebabkan oleh bakteria salmonella typhi (S.typhi). Bakteria ini terdapat di dalam darah, urin dan najis pesakit dan juga najis pembawa.

TANDA-TANDA DAN GEJALA



Demam



Sakit Perut dan Cirit-Birit



Muntah-Muntah



Keletihan/ Lesu Badan

KOMPLIKASI

- Keradangan Otak
- Psikosis
- Pendarahan Salur Penghadaman



CARA-CARA PENULARAN

Pengendalian makanan atau minuman yang tidak bersih.



CARA-CARA PENCEGAHAN

- Pengendalian makanan yang betul
- Tandas yang bersih.
- Basuh tangan selepas keluar tandas, sebelum makan dan memasak.
- Persekitaran yang bersih.
- Lindungi makanan dari lalat dan tikus

Dapatkan suntikan vaksin tifoid.



Minum Air Yang Telah Dimasak



Gunakan Tandas Yang Bersih



Segera Ke klinik/ Hospital Jika Mengalami Demam, Cirit-Birit Atau Sakit Perut.



Pilih Geral Dan Pengendalian Makanan Yang Bersih.

SUNTIKAN MENCEGAH DEMAM KEPIALU (TIFOID)

Harga Suntikan:

1. Warganegara (RM70)
2. Bukan Warganegara
 - Ada Permit (RM80)
 - Tiada Permit (RM120)



Suntikan Kepialu (Tifoid)



Jabatan Kesihatan
Majlis Bandaraya Johor Bahru

KLINIK BANDARAYA

Jalan Air Molek, Bandar Johor Bahru,
80000 Johor Bahru, Johor.

Tel : 07-228 2630

Pohon Tecoma Serikan Bandar Raya Johor Bahru

27 Mac 2021 – Keindahan rimbunan bunga berwarna merah jambu dan putih dari pohon Tecoma dapat dinikmati di sekitar bandar raya Johor Bahru bermula awal Mac lalu. Pohon Tecoma atau nama saintifiknya *Tabebuia Pentaphylla* merupakan pohon rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru yang ditanam di pinggir jalan di sekitar kawasan perumahan, lebuh raya, taman awam dan sebagainya.

Pokok ini ditanam bukan sahaja bagi tujuan teduhan malah sebagai hiasan untuk menambah keindahan pemandangan di sesebuah lokasi yang terdapatnya tanaman pokok berkenaan.

Keindahan pokok Tecoma boleh dilihat di beberapa buah lokasi berdekatan pusat bandar Johor Bahru antaranya di Jalan Dato Syed Mohd Mufti, Jalan Yahya Awal, Dataran Bandaraya Johor Bahru, Stulang Laut, Taman Daya, Taman Setia Indah dan Taman Johor Jaya.



TRIVIA

Nama Tempatan

TECOMA PALIDA

Nama Saintifik

Tabebuia Pallida

Nama Lain

Tabebuia Heterophylla,
PinkTabebuia, Cuban
Pink Trumpet Tree

Famili

Bignoniaceae

Asal

Tumbuhan Tempatan

Kegunaan Tempatan

Hiasan Jalan

Jumlah Tanaman Tecoma

20,000 nos pokok ditanam di kawasan jalan protokol, taman perumahan, taman awam dan projek perumahan di bandar raya Johor Bahru.



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra Kepada Pelanggan

JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBBJ, PEJABAT JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT (PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

HARI	JAM
AHAD – KHAMIS	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KELEPASAN AM	TUTUP

***TERTAKLUK KEPADA PINDAAN**

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS MENARA MBBJ



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara01.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER SETEMPAT MBBJ



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara02.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER PEJABAT DATO ONN MBBJ



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara03.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN JOHOR JAYA



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara04.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN PERMAS JAYA



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara05.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn

SISTEM PENDAFTARAN MEMASUKI PREMIS KAUNTER MBBJ CAWANGAN UTC JOHOR



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
<https://api.mbj.gov.my/menara06.php>

- IMBAS
- DAFTAR

INFO
Misi: Misi mengorganisasikan masa perjalanan covid-19
#ContactTracing
#RingkasMudahSelamat
#Kepakatannya
#KisahMBJ

www.mbj.gov.my facebook.com/mbjbrn



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.
Talian Am: 07 - 219 8000 Faks: 07 - 223 0619 Talian Bebas Tol: 1 - 300 - 88 - 0146
Whatsapp Aduan: 019 - 778 8212 E-mel: info@mbj.gov.my

